

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]
TARIKH : 18 JUN 2014
SOALAN :

YB Tuan Tan Kok Wai (Cheras) minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kedudukan cukai dan tarif ke atas semua ubat dan peralatan perubatan perlu yang secara langsung diletakkan pada harga ubatan dan mengapakah Kerajaan tidak mengadakan indeks harga ubat bagi memantau harga secara berterusan

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, ubat-ubatan di Malaysia tidak dikenakan sebarang cukai untuk mengimport, mengilang dan memasarkan dalam negara. Begitu juga dengan harga ubat-ubatan masih ditentukan oleh kuasa pasaran dan persaingan.

Tuan Yang di-Pertua,

YAB Perdana Menteri Malaysia dalam pembentangan Bajet 2014 telah mengumumkan pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan GST sebanyak enam peratus bermula pada April 2015. Pelaksanaan GST yang merupakan sebahagian dari program transformasi kerajaan untuk

meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem percukaian dan seterusnya membolehkan lebih banyak projek pembangunan dilaksanakan melalui peningkatan hasil kerajaan.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) amat mengalu-alukan cadangan Kementerian Kewangan meletakkan pembekalan barangan dan perkhidmatan farmaseutikal di sektor kesihatan awam, Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri di luar skop pelaksanaan GST yang bermaksud tidak dikenakan GST. Walau bagaimanapun, pembekalan barangan dan perkhidmatan farmaseutikal di sektor swasta tidak dikecualikan dan dikenakan GST di mana pihak farmasi runcit dan industri farmaseutikal dikenakan kadar standard sebanyak 6% bagi semua ubat-ubatan.

Pelaksanaan pembekalan berkadar standard bagi ubat-ubatan di sektor swasta secara langsung akan meningkatkan harga ubat-ubatan sebanyak 6% dan menyebabkan rakyat tidak berkemampuan untuk membeli ubat dengan harga yang ditawarkan di pasaran. Ini adalah bertentangan dengan objektif utama Dasar Ubat Nasional (DUNas) untuk memastikan ubat-ubatan mampu diperolehi oleh rakyat untuk meningkat tahap kesihatan mereka apabila diperlukan.

Untuk tujuan tersebut, KKM telah menyediakan kertas cadangan balas kepada Kementerian Kewangan dan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia bertujuan untuk memohon pertimbangan dan persetujuan Kementerian Kewangan dan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia di atas cadangan balas Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai layanan GST ke atas farmaseutikal/ubat-ubatan di Malaysia di mana dipohon GST dipohon

dikecualikan bagi ubat-ubat penting tertentu (*National Essential Medicines List –NEML*).

KKM telah menjalankan kajian pemantauan harga sejak tahun 2006. Analisa kajian dibuat dengan membandingkan harga ubat di Malaysia dengan perbandingan harga antarabangsa (IRP) dan mengikut saranan WHO iaitu:

- Median harga kurang dari 2 kali IRP adalah perkembangan yang baik
- Median harga kurang dari 3 kali IRP adalah tujuan (target)
- Median harga melebihi 4 kali IRP memerlukan tindakan
- Median harga di antara 3 hingga 5 kali memerlukan penambahbaikan dan bantuan

Bagi sektor awam, median harga adalah kurang dari 2 kali IRP.

Selain itu, di sektor awam, dalam proses negosiasi harga ubat-ubatan, perbandingan juga dijalankan dengan harga pasaran dalaman dan antarabangsa, bagi memastikan harga yang terbaik didapati.

Tuan Yang di-Pertua,

KKM sentiasa berusaha memastikan supaya harga ubat-ubatan di Malaysia ini sentiasa mampu milik bagi rakyat dan aktiviti pemantauan harga ubat-ubatan di Malaysia adalah dijalankan secara berterusan